



Received: 2025-04-25

Accepted: 2026-05-18

Published: 2026-06-22

Original Article

***Peranan dan Signifikan Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī (w. 321H) melalui Kitab al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah dalam Perkembangan Perbahasan Akidah Islam (The Role and Significance of Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī (d. 321H) Through His Work al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah in the Development of Islamic Theology Discourse)***

Wan Ahmad Naquiddin Wan Khalid<sup>a\*</sup> & Wan Haslan Khairuddin<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Calon Sarjana, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

<sup>b</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

\* Corresponding author, email; [p137717@siswa.ukm.edu.my](mailto:p137717@siswa.ukm.edu.my)

#### ABSTRACT

Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī (d. 321H) was a scholar who wrote a book that was agreed upon by scholars from the salaf and khalaf, *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. He lived at the same time as two great imams of Ahl Sunnah Waljamā'ah, Abu al-Ḥasan al-Ash'ari (d. 324H) and Abu Manṣūr al-Māturīdī (d. 333H). However, his thought on *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* was not given much attention compared to the two Ahli Sunnah Waljamaah imams. Based on this question, this article aims to examine some of the main issues related to al-Ṭaḥāwī's prominence as a salaf scholar and his role in the development of Islamic Theology discourse, through (i) the background of al-Ṭaḥāwī's life, (ii) *'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* as a core doctrines of the Ahl al-Sunnah Wal-Jamā'ah and (iii) the role and significance of al-Ṭaḥāwī in the development of Islamic Theology discourse. The methodology used for this study is a qualitative design by using the document analysis method of the book *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* and some of its lectures as a master reference for al-Ṭaḥāwī's 'aqīda. Apart from that, the study uses data analysis methods that include comparative analysis methods. This study reasserts the position of al-Ṭaḥāwī's creed as a foundational articulation of Sunni orthodoxy predating and influencing Ash'ari and Māturīdī systems. Furthermore, the creed of al-Ṭaḥāwī was recognized and agreed upon by all the scholars from the salaf and *khalaf* groups that it aligned with the Ahli Sunnah Waljamaah belief on the manhaj of the *salaf al-ṣāliḥ*. This can prove the prominence of al-Ṭaḥāwī and his role in the development of Islamic Theology discourse is a fact that cannot be denied by anyone. The implications of this article will highlight the importance and significance of al-Tahawī's role in synthesizing theological discussions that are continuous with the understanding of Abū Ḥanīfah's theology as presented in the book *al-Fiqh al-Akbar*.

**Keywords:** al-Ṭaḥāwī; *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*; Ahl al-Sunnah Waljamaah; Salaf

## Pendahuluan

Akidah yang disandarkan kepada golongan salaf mempunyai nilai autentik dan keaslian yang tersendiri disebabkan dekatnya zaman mereka dengan zaman Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, penisbahan kepada golongan salaf ini merupakan sesuatu yang mulia dan agung lebih-lebih lagi dari sudut akidah. Golongan salaf merujuk kepada golongan para sahabat RA, *tābi'īn* dan *tābi' tābi'īn* yang hidup pada tiga kurun terawal hijrah. Ini berdasarkan hadis daripada al-Bukhāri dan Muslim dalam kitab Sahih mereka bahawa 'Abdullah ibn Mas'ūd RA meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوهُمْ

Terjemahan: Sebaik-baik manusia ialah kurunku, kemudian kurun selepas mereka dan kemudian kurun selepas mereka.<sup>1</sup>

Antara tokoh ulama akidah yang hidup pada zaman tiga kurun terawal hijrah ialah Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī (w. 321H). Beliau hidup sezaman dengan dua lagi imam Ahli Sunnah Waljamaah yang terkenal iaitu Abu al-Ḥasan al-Ash'ari (w. 324H) dan Abū Mansur al-Māturīdi (w. 333H). Walau bagaimanapun, al-Ṭaḥāwī tidak begitu masyhur sebagai ulama akidah berbanding kedua-dua imam yang lain tersebut. Berkaitan hal ini, Muhammad Zāhid al-Kawtharī yang menulis kitab khusus tentang biografi al-Ṭaḥāwī bertajuk *al-Ḥāwī fi Sīrat al-Imām al-Ṭaḥāwī* yang mana al-Kawthari menyatakan bahawa walaupun dengan ketinggian martabat dan keilmuan al-Ṭaḥāwī, namun kebanyakan kitab al-Ṭaḥāwī tidak diberikan perhatian yang sewajarnya sehingga ia diabaikan di tempat simpanan dan dimakan oleh anai-anai. Hal ini telah menimbulkan rasa kekesalan dan kekecewaan dalam diri beliau. Oleh yang demikian, al-Kawthari berpandangan bahawa perkara ini tidak boleh dibiarkan dalam keadaan sebegitu, bahkan perlu diwujudkan usaha untuk menghidupkan kembali karya-karya al-Ṭaḥāwī, lalu beliau menulis biografi tokoh tersebut sebagai satu permulaan supaya generasi kemudian dapat menyambunginya selepas itu.<sup>2</sup>

Perkara yang sama turut dipersetujui oleh Noer Iskandar yang menyatakan nama al-Ṭaḥāwī hampir dilupakan dalam perbincangan ilmu Kalam kerana jarang didengar tentangnya khususnya di Indonesia, apatah lagi karya dan pemikiran akidah al-Ṭaḥāwī. Menurut beliau lagi, keadaan ini juga tidak jauh berbeza di negara Islam yang lain.<sup>3</sup> Hal ini menunjukkan pengabaian dan tiada perhatian yang serius diberikan kepada hak seorang ulama yang ulung ini. Sedangkan pada hakikatnya kedudukan dan martabat al-Ṭaḥāwī selaku tokoh ulama yang penting dalam perkembangan perbincangan akidah Islam merupakan suatu fakta yang tidak dapat disangkal lagi. Bahkan para ulama ada meletakkan bahawa al-Ṭaḥāwī sebagai asas utama kepada perkembangan dua aliran arus perdana Ahli Sunnah Waljamaah iaitu aliran al-Ashā'irah dan al-Māturīdiah sepertimana yang akan dijelaskan.

Apa yang disepakati oleh ulama ialah inti akidah yang dipegang dan diyakini oleh ketiga-tiga imam ini adalah sama kerana semuanya bersumberkan daripada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW serta kefahaman golongan *salaf al-ṣāliḥ*. Namun apa yang membezakan mereka ialah manhaj dan metodologi serta beberapa khilaf *furu'* akidah. Al-Ṭaḥāwī dilihat lebih cenderung kepada manhaj *salaf al-ṣāliḥ* dalam beberapa perbincangan, manakala dua lagi imam

<sup>1</sup> Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail, *Saḥīḥ al-Bukhāri*. e.d Mustafa Dīb al-Bughā, (Damsyik: Dār Ibn Kathir, 1993), 2:938 dan Muslim ibn Hajjāj, *Saḥīḥ Muslim*. (Istanbul: Dār al-Ṭibā'ah al-A'mirah, 1334H), 7:185.

<sup>2</sup> Al-Kawthari, Muhammad Zahid, *Maqālāt al-Kawtharī*, (Kaheerah: Maktabah Tawfiqiyah. t.th), 409-410.

<sup>3</sup> Noer Iskandar, *Pemikiran Kalam Imam Abu Mansur al-Maturidi*. (Jakarta: Srigunting, 2001), 74-76.

cenderung kepada manhaj *khalaf* sepertimana yang akan dibentangkan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan dan signifikan al-Ṭahāwī dan kitabnya *al-'Aqidah al-Ṭahāwiyyah* dalam perkembangan perbahasan Akidah dalam sejarah Islam dan menyerlahkan kepentingannya dari sudut ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan tiga metode asas iaitu metode pengumpulan data, metode analisis data dan metode analisis komparatif.

### Latar Belakang Abū Ja'far al-Ṭahāwī

Nama beliau ialah *al-Imām al-Faqīh al-Muhaddith al-Warrāq* Abū Ja'far al-Ṭahāwī, Ahmad Ibn Muḥammad Ibn Salāmah Ibn Maslamah Ibn 'Abd al-Mālik Ibn Salmah Ibn Sulaymān Ibn Jawāb al-Azdi al-Ḥijrī al-Maṣri al-Ḥanafī.<sup>4</sup> Beliau dilahirkan dan membesar di kampung bernama Ṭahā, sebuah kampung di pendalaman Mesir pada tahun 239 Hijrah menurut pandangan yang paling kuat. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang beragama dan berilmu. Bapanya salah seorang daripada ahli ilmu, manakalanya ibunya juga seorang *faqīhah* yang pernah menghadiri majlis ilmu Imam al-Shāfi'i. Bapa saudara sebelah ibu beliau ialah Abū Ibrāhim al-Muzani (w. 264H) merupakan antara murid paling kanan kepada Imam al-Shāfi'i. Beliau hidup pada kurun ketiga hijrah pada zaman pemerintahan khilafah Abbasiyah.<sup>5</sup>

Sepanjang hidupnya, al-Ṭahāwī telah menghasilkan banyak karya-karya yang unggul dan menjadi rujukan dalam pelbagai bidang ilmu. Antara karya-karya penting beliau ialah

- i. *Aḥkām al-Quran al-Karīm* iaitu karya berkaitan tafsir ayat-ayat hukum.
- ii. *Syarh Ma'ani al-Āthar* iaitu karya yang mensyarahkan hadith-hadith hukum.
- iii. *Ṣaḥīḥ al-Āthar*.
- iv. *Al-Sunan al-Ma'thurah*.
- v. *Al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*.
- vi. *Syarh Musykil al-Āthar*.<sup>6</sup>

Di samping itu juga, beliau turut menuntut ilmu daripada ramai ulama sama ada di dalam Mesir dan di luarnya. Antara mereka ialah:

- i. Ahmad Ibn Syu'aib Ibn 'Ali al-Nasa'ie (w. 303H) iaitu pengarang *Sunan al-Nasa'ie*.
- ii. Ahmad Ibn Abi Imran al-Qaḍi (w. 280H).
- iii. Ishaq Ibn Ibrahim Ibn Yunus al-Baghdādi (w. 304H).
- iv. Isma'il Ibn Yaḥyā al-Muzani (w. 264H), bapa saudara sebelah ibu al-Ṭahāwī.
- v. Baḥr Ibn Naṣr Ibn Sābiq al-Khaulāni, murid kepada Imam al-Shāfi'i.

<sup>4</sup> Muhammad Ṭayyib al-Qāsīmi. *Syarh al-'Aqidah al-Ṭahāwiyyah*. ed. Muhammad Khurasyid al-Siddīqi. (Karachi: Al-Busyra, 2021), 54.

<sup>5</sup> Hazim Hasan Abd al-Basīr, *al-'Aqidah al-Ṭahāwiyyah bayna al-Salafiah al-Mu'āṣarah wa al-Mutakallimīn*. (Amman: Dār Nūr al-Mubīn, 2022), 30-36.

<sup>6</sup> Naqiuddin Wan Khalid, Wan Ahmad, Wan Haslan Khairuddin, Abdull Rahman Mahmood, and Mutsalim Khareng. "Penilaian Semula Kaedah Abū Ja'far al-Ṭahāwī dalam Mentafsir Nas-Nas Mutashābihāt Sebagai Respons terhadap Kekeliruan Akidah Semasa." *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 47, no. 2 (2025), 88.

Begitu juga beliau mempunyai murid yang ramai daripada serata pelosok dunia. Antara murid-murid beliau ialah:

- i. Ahmad Ibn Ibrāhim Ibn Ḥammād (w. 329), qaḍi Mesir.
- ii. Abd al-Raḥman Ibn Aḥmad Ibn Yūnus (w. 347), seorang sejarawan.
- iii. Al-Ṭabrāni, Sulaiman Ibn Aḥmad Ibn Ayyūb (w. 360H), Abu al-Qāsim, pengarang kamus.
- iv. Abdullah Ibn 'Adi Ibn Abdillāh al-Jurjāni (w. 365H).

Beliau meninggal dunia pada malam Khamis, awal bulan Zulkaedah pada tahun 321 Hijrah di Kaherah, Mesir dan maqamnya dikenali sehingga kini.<sup>7</sup>

### **Al-Ṭaḥāwī Selaku Ulama *Salaf al-Ṣāliḥ* Yang Disepakati**

Seperti yang dapat diperhatikan al-Ṭaḥāwī hidup pada tiga kurun awal hijrah yang merupakan zaman *salaf al-ṣāliḥ*. Walau bagaimanapun, hidup di zaman *salaf al-ṣāliḥ* sahaja tidak mencukupi bagi seseorang untuk diiktiraf sebagai ulama salaf yang muktabar. Hal ini kerana terdapat beberapa individu dan kelompok kecil yang hidup di zaman salaf namun mereka menyeleweng daripada akidah yang benar. Individu yang menyeleweng yang hidup di zaman salaf adalah seperti Ma'bad al-Juhani (w. 80H) dan Ghailan al-Dimasyqi daripada kelompok Qadariyah, Jahm Ibn Safwan (w. 128H) daripada kelompok Jabariah serta Wasil Ibn 'Aṭā (w. 131H) dan 'Amru Ibn 'Ubaid (w. 141H) daripada kelompok Mukhtazilah.<sup>8</sup>

Oleh yang demikian, seorang ulama yang hidup di zaman salaf perlu berada di atas akidah yang benar dengan diakui oleh para ulama muktabar yang lain untuk dijadikan sebagai rujukan dalam beragama. Dalam hal ini, al-Ṭaḥāwī diakui sebagai ulama salaf dengan diperakukan oleh ramai para ulama yang muktabar. Hal ini dapat dilihat melalui pujian dan sanjungan tinggi oleh para ulama terhadap ketokohan dan keilmuan beliau seperti Taqiy al-Dīn al-Subki (w. 756H) dan Tāj al-Dīn al-Subki (w. 771H). Tāj al-Dīn al-Subki menyebutkan dalam kitabnya iaitu *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam* bahawa beliau menyenaraikan akidah al-Ṭaḥāwī di akhir kitab *Jam' al-Jawāmi'* sebagai suatu akidah salaf. Kata beliau:

و لجملة عقيدة الأشعري هي ما تضمنته عقيدة أبي جعفر الطحاوي التي تلقاها علماء  
المذاهب لقبول ورضوها عقيدة. وقد حتمنا كتابنا جمع الجوامع بعقيدة ذكر أن سلف الأمة  
عليها، وهي وعقيدة الطحاوي.

Terjemahan: Secara kesimpulannya, akidah (Abū al-Ḥasan) al-Ash'ari ialah apa yang terkandung dalam akidah Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī yang mana akidah tersebut telah diterima oleh setiap ulama mazhab dan diredai sebagai akidah yang benar. Aku (al-Subki) telah menutup kitab *al-Jam' al-Jawāmi'* dengan akidah yang dipegang oleh golongan salaf iaitulah akidah al-Ṭaḥāwī.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Mohd Nizam Sahad, *Pemikiran Mengenai Ilahiyat: Sejarah Perkembangan dan Aliran Akidah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019), 26.

<sup>9</sup> Tāj al-Dīn al-Subki, *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam*, (Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah), 62.

Di samping itu, Tāj al-Dīn al-Subki juga menukulkan daripada bapanya, Taqiy al-Dīn al-Subki bahawa akidah al-Ṭahāwī ialah asas kepada akidah yang dikembangkan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'ari (w. 324H) dengan berkata:

سمعت الشيخ الإمام الوالد تقي الدين علي السبكي يقول: ما تضمنته عقيدة الطحاوي هو ما يعتقده الأشعري.

Terjemahan: Aku pernah mendengar *al-Shaykh al-Imām al-Wālid* Taqiy al-Dīn al-Subki berkata, "Apa yang terkandung dalam akidah al-Ṭahāwī adalah akidah yang diiktikadkan oleh (Abū al-Ḥasan) al-Ash'ari."<sup>10</sup>

Selain daripada itu, terdapat ramai lagi ulama yang memberikan penyaksian bahawa akidah al-Ṭahāwī mewakili akidah *salaf al-ṣālih* seperti al-Nāṣirī al-Ḥanafī, Abū al-Mu'tin al-Nasafī dan lain-lain.<sup>11</sup> Oleh yang demikian, dapat dilihat penyaksian daripada para ulama terhadap kesepakatan mereka terhadap akidah al-Ṭahāwī sebagai suatu pegangan akidah yang benar di atas manhaj *salaf al-salih* yang kemudiannya dikembangkan oleh Abu al-Ḥasan al-Ash'ari dan Abū Manṣūr al-Māturīdī.

#### **Kitab *al-Aqīdah al-Ṭahāwiyyah* Asas Akidah Ahli Sunnah Waljamā'ah**

Akidah Abū Ja'far al-Ṭahāwī yang disebutkan para ulama itu merujuk kepada sebuah kitab yang dikarang beliau dalam ilmu Akidah iaitu *Bayān al-Sunnah wa al-Jamā'ah* atau lebih dikenali dengan nama *al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. Ciri-ciri yang ada pada kitab ini ialah perbahasannya ringkas, bahasanya mudah dan maksudnya yang jelas (*bayān*). Sa'īd Fūdah dalam mensyarahkan pernyataan al-Ṭahāwī menyebutkan bahawa apa yang dijelaskan di dalam kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah* ini adalah bersifat terperinci dan mendalam. Menurut beliau, maksud terperinci di sini ialah ia bukan kata-kata yang *mujmal* yang boleh ditafsirkan lebih daripada satu makna. Oleh yang demikian, tidak boleh untuk menisbahkan sesuatu perkara yang tidak disebutkan oleh al-Ṭahāwī dan memberi makna yang lain daripada apa yang disebutkan olehnya kecuali mestilah membawa dalil untuk membuktikannya.<sup>12</sup>

Kandungannya terdiri daripada beberapa perbahasan akidah yang disepakati oleh para ulama daripada golongan salaf dan khalaf dengan sangat jelas dan ringkas. Al-Ṭahāwī memulakan kandungan perbahasan kitab tersebut dengan beberapa perbahasan sifat-sifat Allah SWT seperti sifat *waḥdāniyyah*, *al-ḥayāh*, *al-qayyūmiyyah*, *al-khalq* dan *al-rizq*. Al-Ṭahāwī juga menetapkan sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah SWT dengan tanpa *takyīf* dan *tashbīh* berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Syura, ayat 11. Kemudian al-Ṭahāwī menyatakan berkaitan kewajipan beriman kepada kenabian Muhammad SAW dan pengutusan Baginda kepada seluruh manusia. Seterusnya al-Ṭahāwī menjelaskan berkaitan takrif al-Quran dan perbahasan berkaitannya bahawa ia adalah *kalamullah* dan bukan makhluk. Berikutnya al-Ṭahāwī menyebutkan berkaitan perkara-perkara *ghaibiyyat* yang wajib diimani seperti *ḥawd* (kolam), syafaat, *arasy* dan *kursiy*. Kemudian al-Ṭahāwī menyatakan berkaitan rukun iman iaitu beriman kepada *qada'* dan *qadar*. Seterusnya al-Ṭahāwī menjelaskan berkaitan takrif iman dan perbezaan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah dengan aliran Khawārij dan Murjiah. Berikutnya al-

<sup>10</sup> Taj al-Dīn al-Subki, *Ṭabaqāt al-Shafi'iyyah al-Kubrā*, (Kaherah: Hajar li al-Ṭibā'ah, 1993), 3:377.

<sup>11</sup> Muhammad ibn Abd al-Raḥmān, *Usūl al-Dīn 'Inda al-Imām Abī Ḥanīfah*, (Riyadh: Dār al-Ṣumay'ī, t.th), 624 dan Hasan, Moh Abdul Kholiq. "The Tafsīr Bi Al-Ma'sūr and Bi Al-Ra'yī in The Commentary of Abū Ja'far Al-Ṭahāwī: (Study in Aḥkām Al-Qur'ān Al-Karīm)." *Jurnal Studi Al-Qur'an* 17, no. 2 (2021): 179-206.

<sup>12</sup> Sa'īd Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:19-20.

Ṭaḥāwī menyebutkan berkaitan pendirian seorang mukmin terhadap para sahabat bahawa kecintaan kepada mereka adalah sebahagian daripada agama dan keimanan, manakala membenci mereka adalah kemunafikan, kekefuran dan dosa. Akhirnya al-Ṭaḥāwī mengakhiri kitab beliau dengan sifat *waṣaṭiyyah* bagi agama ini yang berada di antara sifat yang melampau (*ghuluww*) dan bermudah-mudah (*taqṣīr*).<sup>13</sup> Di samping itu, al-Ṭaḥāwī sendiri menyebut di pendahuluan kitabnya ini bahawa ia adalah satu pernyataan bagi akidah Ahli Sunnah Waljamaah berdasarkan aliran Abū Ḥanīfah Nu'man Ibn Thābit al-Kūfi (w. 150H) dan dua lagi anak murid Abū Hanifah iaitu Abū Yūsuf Ya'kub al-Anṣārī (w. 182H) dan Muhammad Ibn al-Ḥasan al-Syaibānī (w. 189H).<sup>14</sup>

Kitab *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* ini diterima baik oleh para ulama salaf dan khalaf serta diredai sebagai akidah untuk beragama kepada Allah SWT. Semua ulama mazhab berada di atas akidah yang satu ini dan tiada golongan yang bercanggah daripada akidah ini kecuali ia tergolong daripada golongan *mubtadi'*. Tāj al-Dīn al-Subki menyatakan hal tersebut dalam kitabnya *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam* bahawa:

وهذه المذاهب الأربعة و<sup>١٣</sup> الحمد في العقائد واحدة، إلا من لحق منها هل الاعتزال والتجسيم، وإلا فجمهورها على الحق، يقرون عقيدة أبي جعفر الطحاوي التي تلقاها العلماء سلفًا وخلفًا لقبول، ويدينون<sup>١٤</sup> برأي شيخ السنة أبي الحسن الأشعري الذي لم يعارضه إلا مبتدع.

Terjemahan: Keempat-empat mazhab ini, *alhamdulillah*, di atas akidah yang satu kecuali mereka yang termasuk dalam golongan Muktazilah dan Mujassimah. Adapun majoritinya berada di atas kebenaran, memperakui akidah Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī yang telah diterima baik oleh para ulama salaf dan *khalaf*, mereka beragama kepada Allah SWT dengan pegangan Abū al-Ḥasan al-Ash'ari. Tiada yang menyelisihinya kecuali dia merupakan seorang yang melakukan bid'ah.<sup>15</sup>

Atas nilai keaslian dan autentiknyanya tersebut, ramai para ulama sejak daripada zaman dahulu lagi telah mensyarahkan kitab ini. Menurut Umar Muhammad Noor, sehingga hari ini terdapat puluhan bahkan ratusan buku mensyarahkan kitab ini.<sup>16</sup> Sebahagian daripadanya telah disenaraikan Ḥājī Khalīfah dalam kitabnya *Kasyf al-Dzunūn 'An Asāmi al-Kitāb wa al-Funūn* dengan carian nama *'Aqīdah al-Ṭaḥāwī*. Dalam kitab tersebut, pengarang menyebut beberapa syarahan bagi *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* iaitu Syuja' al-Dīn Hibatullah al-Turkistānī (w. 733 H), *al-Nūr al-Lāmi' wa al-Burhān al-Sāṭi' fi Syarh Aqā'id Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* oleh Najm al-Dīn al-Turki (w. 652 H), Ṣadr al-Dīn al-Azra'ie (w. 792 H), *al-Qalā'id Syarh al-Aqā'id* oleh Maḥmūd Ibn Ahmad al-Qūnawī (w. 770 H), al-Qādhi Sirāj al-Dīn Umar Ibn Ishāq al-Hindi (w. 773 H), al-Maula

<sup>13</sup> Hazim Hasan Abd al-Basīr, *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah bayna al-Salafiah al-Mu'āṣarah wa al-Mutakallimīn*. (Amman: Dār Nūr al-Mubīn, 2022), 37-39.

<sup>14</sup> Al-Ṭaḥāwī, Abū Ja'far, *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*. Md. Sahari Bin Abdullah (terj.). (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 22.

<sup>15</sup> Tāj al-Dīn al-Subki, *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam*. (Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabi, 1948), hlmn. 25.

<sup>16</sup> Umar Muhammad Noor, *Hadith Sifat: Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam*. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2021), 108-109.

Abu Abdullah Mahmud Ibn Muhammad al-Qasṭantīni dan *Nūr al-Yaqīn fi Usūl al-Dīn* oleh al-Maulā Kafi al-Hasan al-Busnawi al-Aqḥṣārī (w. 1025 H).<sup>17</sup>

Berkaitan sebab atau latar belakang penulisan kitab ini, ia tiada disebutkan oleh al-Ṭaḥāwī dalam kitab beliau tersebut. Namun, Umar Muhammad Noor menyatakan besar kemungkinan ia berkait rapat dengan peristiwa pasca *Mihnah (Khalq al-Quran)* yang diwarnai perseteruan antara ahli hadith dan fuqaha', di mana bapa saudaranya al-Muzāni dipulaukan kerana fitnah jahat yang mengaitkan beliau dengan akidah Muktazilah. Oleh itu, situasi yang sama juga boleh jadi berlaku kepada al-Ṭaḥāwī sehingga memaksa beliau menyatakan akidah yang menjadi pegangannya. Paparan akidah al-Ṭaḥāwī membuktikan bahawa sebahagian besar mazhab Hanafi pada zaman itu masih berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Berdasarkan pernyataan yang disebut di atas, jelaslah bahawa *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* merupakan kitab yang berautoriti, diakui ulama zaman berzaman dan disepakati mewakili manhaj akidah salaf yang sebenar.<sup>18</sup>

Kitab ini merupakan batu asas kepada pembinaan perbincangan akidah di atas aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Antara asas utama akidah Ahli Sunnah Waljamaah ialah konsep *tanzīh* iaitu menyucikan Allah SWT daripada segala sifat kekurangan dan kelemahan seperti menyerupai makhluk dan sebagainya. Hal ini dapat diperhatikan melalui beberapa pernyataan al-Ṭaḥāwī yang berpegang kepada akidah *tanzīh* iaitu akidah yang menyucikan dzat dan sifat-sifat Allah SWT daripada sifat-sifat kekurangan seperti menyamakannya dengan sifat-sifat makhluk (*tashbīh*) dan mengatakan bahawa Allah SWT mempunyai jisim (*tajsīm*). Beliau dilihat memberi penekanan kepada beberapa tema utama berkaitan konsep *tanzīh* ini iaitu i) *tanzīh* Allah SWT daripada sekutu yang serupa atau sama dengannya, ii) *tanzīh* dzat dan sifat Allah SWT daripada menyerupai makhluk dan sifat lazimnya, dan iii) *tanzīh* kalam Allah SWT daripada menyamai kalam makhluk. Konsep *tanzīh* yang dibentangkan oleh al-Ṭaḥāwī ini merupakan pegangan yang disepakati para ulama salaf dan *khalaf*, yang tiada yang menyalahinya kecuali kelompok-kelompok yang menyeleweng daripada golongan *mushabbihah* dan *mujassimah*.<sup>19</sup>

Oleh yang demikian, berdasarkan tema-tema konsep *tanzīh* dalam kitab *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah* yang dinyatakan di atas, tidak syak lagi bahawa al-Ṭaḥāwī merupakan seorang ulama yang hidup pada zaman salaf dan berpegang kepada pegangan dan manhaj *salaf al-ṣāliḥ* dalam akidah kerana ia merupakan antara konsep pegangan terpenting dalam akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

### **Kedudukan al-Ṭaḥāwī dalam Sejarah Perkembangan Perbincangan Akidah**

Seterusnya, dalam mengkaji peranan dan signifikan al-Ṭaḥāwī dalam perkembangan perbincangan akidah, kajian ini akan menelusurinya sejarah perkembangan perbincangan akidah berdasarkan posisi dan kedudukan al-Ṭaḥāwī di dalamnya. Hal ini bagi menjelaskan peranan al-Ṭaḥāwī yang signifikan dengan kedudukan beliau yang strategik iaitu berada di tengah fasa transisi antara zaman salaf dan *khalaf*. Menurut pemaknaan ini, apa yang dimaksudkan dengan zaman *khalaf* ialah ditandai permulaan dengan zaman dua imam Ahli Sunnah Waljamaah yang masyhur iaitu Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Abū Mansūr al-Māturīdī. Hal ini kerana perbincangan pasca dua imam besar ini telah menempuhi fasanya yang berbeza dan dapat diklasifikasikan

<sup>17</sup> Hāji Khalīfah, *Kasyf al-Dzunūn 'An Asāmi al-Kitāb wa al-Funūn*. (London: Muassasah al-Furqān, 2021), 38.

<sup>18</sup> Umar Muhammad Noor, *Hadith Sifat: Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam*. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2021), 108-109.

<sup>19</sup> Wan Ahmad Naqiuddin & Wan Haslan Khairuddin. Konsep *Tanzīh* Dalam Kitab *Al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwīyyah*. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. 3(1), 40-58, 2024.

sebagai fasa baharu iaitu zaman khalaf tanpa menafikan kesinambungannya dengan akidah salaf.

Bermula pada zaman Rasulullah SAW, perbincangan dan perdebatan berhubung isu-isu akidah tidak tersebar secara meluas. Hal ini kerana Baginda SAW sendiri telah melarang para sahabat daripada terlibat dalam perdebatan mengenai persoalan akidah. Secara umumnya, masyarakat Islam pada tahap ini menerima segala ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dengan penuh keimanan dan kepatuhan tanpa mencetuskan sebarang polemik atau persoalan. Perkara ini dapat dilihat menerusi sikap Saidina Abū Bakar al-Ṣiddīq RA yang menerima berita mengenai peristiwa Israk dan Mikraj tanpa keraguan mahupun pertanyaan. Reaksi beliau mencerminkan pendirian golongan mukmin pada masa tersebut, yang bersikap tenang dan tidak mempertikaikan hal-hal yang bersifat ghaib. Rentetan daripada keimanan dan keyakinan beliau yang teguh itu, Saidina Abū Bakar digelar dengan gelaran *al-Ṣiddīq*, yang membawa maksud 'yang membenarkan'.<sup>20</sup>

Perbincangan akidah pada zaman para sahabat juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding dengan zaman Rasulullah SAW. Hal ini kerana selepas kewafatan Baginda SAW, para sahabat lebih tertumpu kepada permasalahan politik iaitu usaha mencari pengganti bagi meneruskan kepimpinan sebagai khalifah dan ketua negara Islam yang baharu. Bahkan urusan pengurusan jenazah Rasulullah SAW sendiri mengalami sedikit kelewatan akibat keutamaan yang diberikan kepada pelantikan khalifah. Walau bagaimanapun, peristiwa tersebut turut mencetuskan perselisihan pandangan dalam kalangan umat Islam, khususnya berkenaan isu khilafah dan imamah, sebelum akhirnya Saidina Abu Bakar al-Ṣiddīq RA diterima secara ijmak oleh umat Islam yang berhimpun di Saqifah Bani Sa'adah untuk dilantik sebagai khalifah pertama dan pemimpin umat Islam keseluruhannya.<sup>21</sup>

Manakala pada kurun kedua tersebut, Abū Ḥanīfah al-Nu'man Ibn Thābit (w 150H) telah mengarang sebuah kitab akidah yang menggunakan istilah *al-Fiqh al-Akbar*. Pemilihan nama *al-Fiqh al-Akbar* juga berkait rapat dengan definisi yang dikemukakan oleh Abu Hanifah berkaitan fiqh itu sendiri. Ini kerana definisi fiqh di sisi Abū Ḥanīfah adalah lebih umum daripada makna fiqh yang difahami pada zaman terkemudian iaitu beliau mendefinisikan fiqh sebagai:

مَعْرِفَةُ النَّفْسِ مَا لَهَا وَمَا عَلَيْهَا

Terjemahan: Mengenali jiwa berkaitan apa yang menjadi hak baginya dan kewajipan ke atasnya.<sup>22</sup>

Oleh yang demikian, istilah fiqh di sisi beliau merupakan satu istilah yang umum yang merangkumi hukum-hukum berkaitan iktikad atau kepercayaan, amalan kerohanian dan ibadat zahir. Justeru itu perkara yang berkaitan iktikad dan kepercayaan beliau istilahkan sebagai *al-Fiqh al-Akbar*.<sup>23</sup> Jadi apabila dilihat kandungan di dalam kitab *al-Fiqh al-Akbar*, ia membahaskan berkaitan hukum-hukum berkaitan akidah dan ketuhanan yang timbul pada ketika tersebut maka ia merupakan perbincangan *al-Fiqh al-Akbar*. Selain kitab *al-Fiqh al-Akbar* ini, terdapat beberapa lagi kitab yang juga ditulis oleh Abu Hanifah berkaitan perbincangan akidah ini antaranya *Waṣīyyah* dan *al-Fiqh al-Absaṭ*. Semua kitab tersebut merupakan antara kitab terawal

<sup>20</sup> Mohd Nizam Sahad, *Pemikiran Mengenai Ilahiyat: Sejarah Perkembangan dan Aliran Akidah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019), 17-20.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*. (Damsyik: Dār al-Fikr. 2005), hlmn. 28-29.

<sup>23</sup> Ibid.

yang direkodkan dalam bidang akidah ini dan kemudian dihuraikan oleh ramai para ulama seperti kitab *al-Fiqh al-Akbar* dihuraikan oleh Akmāl al-Dīn al-Babarti, Abū al-Muntahā al-Maghnisawi dan Mullā 'Alī al-Qāri.<sup>24</sup> Bahkan, Alī Samī al-Nasyar juga menyebutkan bahawa Abū Ḥanīfah boleh dianggap sebagai mutakallim pertama daripada Ahli Sunnah Waljamaah.<sup>25</sup>

Dari sudut politik dan pemerintahan pula, pada kurun kedua hijrah melihat kedudukan dan penguasaan aliran Muktazilah bertambah kukuh. Di zaman ini berlakunya peristiwa yang dikenali sebagai *mihnah khalq al-Quran*. Peristiwa ini berlaku selama 15 tahun sewaktu golongan Muktazilah menguasai pemerintahan Khilafah Islam iaitu bermula di pertengahan zaman pemerintahan al-Ma'mun al-Rashid sehinggalah kepada pemerintahan al-Mutawakkil ibn al-Mu'tasim. Pada dasarnya Muktazilah berpegang kepada lima prinsip yang juga disebut sebagai *Usul al-Khamsah* iaitu: *al-tauhid* (keesaan Tuhan), *al-'adl* (keadilan Tuhan), *al-wa'd wa al-wa'id* (janji dan ancaman), *al-manzilah bayna al-manzilatain* (kedudukan di antara mukmin dan kafir) dan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran). Mereka menggelarkan diri mereka sebagai 'kumpulan yang memperjuangkan keesaan dan keadilan' atau *Ahl al-Tauhid wa al-'Adl*. Gelaran ini digunakan kerana ia berkait rapat dengan dengan dua prinsip utama aliran tersebut iaitu *al-'adl* dan *al-tauhid*.<sup>26</sup> Mereka sangat terkesan dengan Falsafah Yunani yang menekankan ilmu logik dalam penghujahan. Oleh yang demikian, perbincangan-perbincangan baharu berkaitan akidah ini bercambah dengan begitu pesat disebabkan kegiatan para ulama Muktazilah yang berhujah dan berdebat untuk memperkuatkan aliran mereka berbanding aliran-aliran yang lain. Pemikiran akidah mereka dikembangkan dengan kaedah yang bersifat rasional dan terbuka.

Al-Ma'mun yang merupakan khilafah 'Abbsiyah telah menetapkan bahawa aliran akidah Muktazilah sebagai pegangan akidah rasmi negara. Beliau seorang yang luas ilmu pengetahuan dan mahir dalam ilmu Hadith dan Fiqh. Pada tahun 212 hijrah, beliau secara terang-terangan menyatakan pandangannya bahawa al-Quran adalah makhluk dan Saidina Ali Ibn Abi Talib adalah lebih utama berbanding Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar. Umat Islam amat kesal terhadap pandangan tersebut dan telah melakukan protes ke atas al-Ma'mun dan menghentikan idea-idea kontroversi yang dicetuskannya. Al-Ma'mun di bawah pengaruh Bisyr al-Marisi (m. 228H) telah mengisytiharkan Muktazilah sebagai fahaman rasmi negara dengan melakukan kekerasan terhadap siapa sahaja yang bercanggah dengan ideologinya yang dikenali sebagai al-Quran sebagai makhluk (*Khalq al-Quran*).<sup>27</sup> Selain daripada itu, al-Ma'mun juga melantik Ahmad ibn Abī Du'ād (m.240 H) sebagai *qāḍi quḍāt* dan penasihat agama Khalifah.<sup>28</sup>

Dalam keadaan ini, semua para ulama diperiksa akidahnya dan hampir keseluruhannya akur kepada akidah Muktazilah kecuali beberapa orang sahaja yang enggan termasuklah Ahmad bin Hanbal (w. 241H). Ahmad bin Hanbal merupakan antara ulama yang kuat menentang golongan Muktazilah sehingga beliau didera dan disiksa oleh khalifah. Beliau berpegang dengan

---

<sup>24</sup> Mohd Anuar Mamat, Mohd Manawi Mohd Akib & Basri Husin. Prinsip-Prinsip Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah: Pengenalan Dan Terjemahan Melayu Waṣiyyah Imam Abū Ḥanīfah. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*. Edisi Khas (2014), 1-36.

<sup>25</sup> Ali Sami al-Nasyar, *Nasyat al-Fikr al-Falsafi fi al-Islām*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2008), 1:268.

<sup>26</sup> Kamarul Azmi Jasmi. *Firqah Akidah Islamiah Dalam Dunia Islam*. (Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 2024), 202.

<sup>27</sup> Muhamad Aidil Zali, Mohd Nor Adli Osman, Mohamad Adnin Yahya et al., Al-Mu'tazilah dan Hubung Kaitnya dengan Mihnah Khalāq al-Qur'an. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2018 1(3), 53-57.

<sup>28</sup> Umar Muhammad Noor, *Imam al-Ash'ari dan Ahli Hadith*, (Selangor: Arbain Publication, 2025), 44.

pegangan yang menolak kemakhlukan al-Quran yang menjadi pegangan utama golongan Muktaẓilah. Disebabkan pegangannya itu, Ahmad disoalkan dengan pelbagai persoalan tetapi beliau tetap bertegas dengan pandangannya tersebut. Khalifah al-Mu'tasim telah memerintahkan Ahmad bin Hanbal disebat sebanyak 30 kali sehingga Ahmad beberapa kali pangsang dan patah tangan. Hal ini berlarutan sehinggalah Khalifah al-Mutawakkil menaiki takhta pada tahun 232 hijrah. Al-Mutawakkil telah menzahirkan sunnah dan melarang daripada berbicara berkaitan kemakhlukan al-Quran. Kemudian kemuncaknya beliau memecat Ahmad bin Abī Du'ad daripada jawatan *qāḍi quḍāt*. Pasca peristiwa mihnah ini, Ahli Sunnah kembali menempati jawatan-jawatan yang strategik dalam pemerintahan. Dalam situasi ini, pandangan Ahmad bin Hanbal sentiasa dirujuk dalam semua perkara sehingga kepada urusan pelantikan pegawai-pegawai kerajaan. Para ulama ketika itu memandang bahawa pandangan dan pendirian Ahmad bin Hanbal adalah pandangan Ahli Sunnah Waljamaah yang sempurna dan tiada bandingan.<sup>29</sup>

Selanjutnya tiba peranan Abū Ja'far al-Ṭahāwī (w. 321H) dalam mempertahankan akidah yang benar daripada para ulama salaf sebelumnya. Seperti yang dijelaskan berkaitan situasi zaman sebelumnya, latar belakang penulisan *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* dijangka disebabkan oleh peristiwa ini. Hal ini memaksa al-Ṭahāwī untuk menyimpulkan pemikiran akidah yang dipegang olehnya agar tidak difitnah dan dituduh sepertimana yang berlaku ke atas gurunya Abū Ibrahim al-Muzani (w. 264H).<sup>30</sup> Oleh itu sangat penting untuk memahami bahawa setiap perenggan dalam kitab ini antaranya terkandung kritikan terhadap golongan Muktaẓilah dan aliran-aliran sesat yang lain seperti Mushabbihah, Jahmiyyah, Qadariyyah dan Jabbariyyah. Al-Ṭahāwī dilihat sebagai seorang tokoh ulama menyambung kesinambungan dasar akidah yang telah dijelaskan oleh golongan salaf khususnya daripada Abū Ḥanīfah melalui kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*.<sup>31</sup>

Hal ini dapat dibuktikan dan disahkan dengan beberapa faktor. Pertama, al-Ṭahāwī sendiri menyebutkan di awal mukadimah kitabnya bahawa ia merupakan satu pernyataan bagi menjelaskan pegangan akidah berdasarkan mazhab Abu Hanifah Nu'man bin Thabit dan dua murid kanan beliau iaitu Abū Yūsuf Ya'qub bin Ibrahim al-Ansari dan Abū Abdullah Muḥammad bin al-Ḥasan al-Syaibani.<sup>32</sup> Kedua, kemiripan dan persamaan perbahasan yang terdapat di dalam kedua-dua kitab tersebut dengan melalui perkataan dan istilah yang diungkapkan oleh kedua-duanya. Hal ini boleh dilihat secara jelas pada beberapa perbahasan yang bukan perkara yang maklum di dalam agama (*al-ma'lum min al-dīn bi al-ḍarurah*) dengan kefahaman yang sama dalam bentuk ayat dan ungkapan yang sedikit berbeza. Ketiga, al-Ṭahāwī telah menuntut ilmu daripada *qāḍi* Mesir yang bermazhab Hanafi iaitu Abū Ja'far Ahmad bin Abī 'Imrān (w. 285H) yang merupakan murid kepada Muhammad bin Syujā' al-Thaljī (w. 266H). Al-Thaljī pula murid kepada al-Ḥasan ibn Ziyad al-Lu'lu' (w. 204H) yang telah menimba ilmu daripada Abū Ḥanīfah dan Abū Yūsuf.<sup>33</sup> Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa sanad pengajian ilmu al-Ṭahāwī bersambung secara terus kepada Abū Ḥanīfah dan dua muridnya, Abū Yūsuf dan al-Shaybanī melalui Ibn Abī 'Imrān. Hal sekaligus membuktikan bahawa al-Ṭahāwī merupakan penerus

---

<sup>29</sup> Ibid, 48.

<sup>30</sup> Umar Muhammad Noor, *Hadith Sifat: Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam*. (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2021), 108-109.

<sup>31</sup> Ali Sami al-Nasyar, *Nasyat al-Fikr al-Falsafi fi al-Islām*, (Kaherah: Dār al-Salām, 2008), 1:270.

<sup>32</sup> Al-Ṭahāwī, Abū Ja'far, *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*. terj. Md. Sahari Bin Abdullah. (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 22.

<sup>33</sup> Umar Muhammad Noor, *Imam al-Ash'ari dan Ahli Hadith*, (Selangor: Arbain Publication, 2025), 58.

kepada kesinambungan akidah salaf yang diasaskan oleh mutakallim pertama Ahli Sunnah Waljamaah iaitu Abū Ḥanīfah.

Seterusnya, pada kurun ketiga dan keempat Hijrah menyaksikan lahirnya dua tokoh utama bagi aliran Ahli Sunnah Waljamaah iaitu Abū Hasan al-Ash'ari (w. 324H) dan Abū Mansūr al-Māturīdi (w. 333 H). Sesungguhnya apa yang dibawa oleh kedua-dua imam ini adalah berkesinambungan dan bersesuaian dengan akidah yang dijelaskan oleh al-Ṭahāwī sebelumnya. Ini berdasarkan pernyataan Tāj al-Dīn al-Subki bahawa apa yang terkandung di dalam akidah al-Ṭahāwī ini merupakan inti pati kepada akidah Abū al-Ḥasan al-Ash'ari dan diredai sebagai akidah yang sah oleh para ulama. Kata beliau:

و لجملة عقيدة الأشعري هي ما تضمنته عقيدة أبي جعفر الطحاوي التي تلقاها علماء  
المذاهب لقبول، ورضوها عقيدة.

Terjemahan: Secara ringkasnya, akidah (Abū al-Ḥasan) al-Ash'ari ialah apa yang terkandung dalam akidah Abū Ja'far al-Ṭahāwī yang diterima dengan penerimaan yang baik oleh para ulama mazhab dan meredainya sebagai akidah (yang benar).<sup>34</sup>

Dua aliran akidah ini kemudiannya menjadi aliran arus perdana bagi umat Islam seluruh dunia. Perbincangan berkaitan akidah berkembang pesat dengan kewujudan dua aliran akidah Ahli Sunnah Waljamaah ini bagi menghadapi syubhah dan kekeliruan yang cuba ditimbulkan oleh aliran-aliran akidah yang menyeleweng seperti Muktaẓilah, Qadariah, Jabariah, Mushabbihah, Mujassimah dan lain-lain. Walaupun kedua-dua aliran ini berkembang pesat ia tidaklah bercanggah dengan akidah *salaf al-ṣāliḥ* seperti yang dikarang oleh al-Ṭahāwī dalam kitabnya *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*.

### Sumbangan al-Ṭahāwī dalam Perkembangan Perbincangan Ilmu Kalam

Manakala dari sudut signifikan dan peranan al-Ṭahāwī yang utama dalam fasa ini dapat diperhatikan daripada beberapa aspek. Antaranya al-Ṭahāwī meletakkan asas-asas pegangan akidah yang kemudian menyumbang kepada perkembangan dua aliran arus perdana Ahli Sunnah Waljamaah iaitu al-Ashā'irah dan al-Maturidiah. Hal ini sepertimana yang telah diterangkan dan diakui oleh Tāj al-Dīn al-Subki berkaitan al-Ashā'irah. Begitu juga kesinambungan sanad al-Ṭahāwī menerusi Abū Ḥanīfah dan muridnya, Abū Yūsuf al-Anṣārī dan Muhammad al-Shaybānī juga memberikan pengaruh yang besar dalam perkembangan aliran al-Maturidiah. Ini dapat menyimpulkan bahawa perkembangan aliran akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang diwakili oleh al-Ashā'irah dan al-Maturidiah diasaskan di atas akidah *salaf al-ṣāliḥ* seperti yang terkandung di dalam kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*.

Seterusnya, al-Ṭahāwī juga merupakan rujukan dalam perbincangan khilaf antara al-Ashā'irah dan al-Maturidiah serta menjadi inspirasi dalam pengharmonian antara kedua-dua aliran tersebut. Dalam hal ni Tāj al-Dīn al-Subki mendengar ayahnya Taqiy al-Dīn al-Subki menyatakan bahawa apa yang terkandung dalam akidah al-Ṭahāwī adalah bertepatan dengan akidah al-Ashā'irah kecuali dalam tiga perbincangan sahaja, kemudian setelah Tāj al-Dīn al-Subki melakukan kajian mendalam berkaitannya, beliau menyatakan:

<sup>34</sup> Tāj al-Dīn al-Subki, *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam* (Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah, t.t.), 62.

وَقَدْ مَلَّتْ عَقِيدَةُ أَبِي جَعْفَرِ الطَّحَاوِيِّ فَوَجَدَتْ الْأَمْرَ عَلَى مَا قَالَ الشَّيْخُ الْإِمَامُ وَعَقِيدَةُ الطَّحَاوِيِّ زَعَمَ أَنَّهَا الَّتِي عَلَى أَبِي حَنِيفَةَ وَأَبُو يُوسُفَ وَمُحَمَّدَ وَلَقَدْ جُودَ فِيهَا ثُمَّ تَفَحَّصْتُ كِتَابَ الْحَنْفِيَّةِ فَوَجَدْتُ جَمِيعَ الْمَسَائِلِ الَّتِي بَيَّنَّا وَبَيَّنَ الْحَنْفِيَّةَ خِلَافَ فِيهَا ثَلَاثَ عَشْرَةَ مَسْأَلَةً مِنْهَا مَعْنَى سِتِّ مَسَائِلٍ وَالْبَاقِي لَفْظِي وَتِلْكَ السِّتُّ الْمَعْنَوِيَّةُ لَا تَقْتَضِي مَخَالَفَتَهُمْ لَنَا وَلَا مَخَالَفَتَنَا لَهُمْ فِيهَا تَكْفِيرًا وَلَا تَبْدِيلًا.

Maksudnya: Aku telah meneliti akidah Abū Ja'far al-Ṭahāwī dan aku mendapati hakikatnya sama seperti yang dikatakan oleh *al-shaykh al-imām* (Taqiy al-Dīn al-Subki). Akidah al-Ṭahāwī menyatakan bahawa ia adalah pegangan Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf (al-Anṣārī) dan Muhammad (al-Shaybānī). Kemudian aku mengkaji kitab-kitab aliran Hanafi, lalu aku mendapati bahawa khilaf dalam semua perbincangan akidah antara kami (al-Ashā'irah) dan aliran Hanafiah (al-Māturīdiah) adalah sebanyak 13 perbincangan iaitu enam khilaf *ma'nawi* dan bakinya ialah khilaf *lafzi*. Manakala enam khilaf *ma'nawi* tersebut tidak membawa perselisihan itu kepada mengkafirkan dan membidaahkan.<sup>35</sup>

Oleh yang demikian, ilham daripada pengkajian terhadap kitab *al-Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* ini telah mendorong Tāj al-Dīn al-Subki untuk menyempurnakan usaha mengharmonikan khilaf antara aliran al-Ashā'irah dan al-Māturīdiah melalui *Qasidah Nuniyyah* yang menghimpunkan 13 perbincangan khilaf antara kedua-dua aliran.<sup>36</sup> Al-Subki juga telah memuatkan *Qasidah Nūniyyah* ini dalam dua kitab beliau iaitu *Ṭabaqāt al-Syafi'iyyah al-Kubrā* dan *al-Syarh al-Kabīr 'ala Mukhtaṣar Ibn Ḥājib*. Bahkan ia juga disyarahkan oleh para ulama antaranya ialah Nūr al-Dīn al-Syirāzi.<sup>37</sup>

### Faktor Kekakuan Pemikiran Akidah al-Ṭahāwī

Sepertimana yang dibincangkan, al-Ṭahāwī diakui di atas akidah *salaf al-ṣāliḥ* sama seperti Abū al-Ḥasan al-Ash'ari. Kedua-dua tokoh ini hidup pada zaman yang sama bahkan al-Ṭahāwī meninggal dunia dua tahun sebelum al-Ash'ari. Namun begitu al-Ash'ari lebih masyhur dan terkenal disebabkan banyaknya karya-karya beliau dalam ilmu Kalam dan sumbangan besar beliau dalam menjawab penyelewengan kelompok Muktaẓilah. Berkaitan hal ini, al-Ḥabasyi menyatakan bahawa:

توفي الإمام الطحاوي سنة ٣٢٢ هـ أي قبل الأشعري بسنتين فقط. فهو معاصر للأشعري، وهما على رأي واحد، ومذهب واحد؛ وهو: ما عليه سلف الأمة من الصحابة ومن تبعهم من أهل الحق، إلا أن شهرة الأشعري أكثر بسبب أنه كان معتزليا ثم ب وأخذ يرد وينظر ويحاج ويدافع

<sup>35</sup> Tāj al-Dīn al-Subki, *Ṭabaqāt al-Syafi'iyyah al-Kubrā*, (Kaherah: Hajr li al-Tiba'ah, 1993), 3:378.

<sup>36</sup> Al-Syirazi, Nūr al-Dīn Muhammad bin Abi Ṭayyib, *Syarh Qasidah al-Subki al-Nūniyyah*, (Damsyiq: Dār al-Taḳwa, 2023), 53 dan Hasan, Moh Abdul Kholiq. "Al-Ṭahāwī's Method Towards the Variety of Qiraāt in Tafsir Aḥkām al-Qur'ān and Its Implication to Istinbāṭ Al-Aḥkām." *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis* 22, no. 1 (2021): 93-112.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 64.

عن مذهب السنة ضد المعتزلة وغيرها من الفرق، وألف في هذا عددا من المصنفات الكلامية،  
لذا كان أشهر ذكرا وأكبر سمعة وأكثر أتباعا.. فليعلم.

Terjemahan: Imam al-Ṭahāwī wafat pada tahun 322 Hijrah iaitu dua tahun sahaja sebelum kewafatan (Abū al-Ḥasan) al-Ash`ari. Oleh itu di sezaman dengan al-Ash`ari. Mereka berdua di atas pegangan akidah dan mazhab yang sama, iaitu pegangan golongan salaf daripada para Sahabat dan golongan yang mengikuti mereka daripada ahli kebenaran. Namun begitu, al-Ash`ari lebih popular kerana beliau seorang yang berpegang dengan pegangan Muktazilah kemudian bertaubat. Setelah itu beliau mengambil, menolak, berdebat, berhujah dan mempertahankan mazhab al-Sunnah daripada kesesatan Muktazilah dan kelompok menyeleweng yang lain. Beliau (al-Ash`ari) telah menulis banyak karya-karya dalam ilmu Kalam. Oleh sebab itu, beliau lebih terkenal, mempunyai reputasi lebih tinggi dan lebih ramai pengikut.<sup>38</sup>

Oleh yang demikian, dapat difahami daripada petikan di atas bahawa kedudukan al-Ṭahāwī jika dibandingkan dengan al-Ash`ari, imam Ahli Sunnah Waljamaah tidaklah begitu jauh, bahkan boleh dikatakan sama dan setara. Namun begitu kemasyhuran al-Ash`ari lebih berbanding al-Ṭahāwī kerana beliau terkehadapan dalam menghadapi penyelewengan daripada golongan yang menyeleweng terutamanya Muktazilah. Manakala al-Ṭahāwī menggunakan pendekatan yang tradisional dan konservatif dalam akidah sehingga beliau ketinggalan dalam persaingan di antara dua lagi aliran akidah Ahli Sunnah Waljamaah iaitu al-Ash`ari dan al-Māturīdī. Fenomena ini telah dijelaskan oleh Mustafa Ceric yang menyatakan bahawa:

*“Al-Ṭahāwī, the third representative of theological Sunnism, was kept out of this Ash`ari-Māturīdī competition chiefly because of his being a Hanafite as well as his being more inclined to the traditional way in theology.”*

Terjemahan: Al-Ṭahāwī, wakil ketiga dalam aliran akidah Sunni, telah terkeluar daripada persaingan antara Ash`ari-Māturīdī, atas sebab yang utamanya kerana beliau bermazhab Hanafi dan beliau lebih cenderung kepada pendekatan tradisi (*salaf al-ṣālih*) dalam akidah.<sup>39</sup>

Pernyataan yang menyebutkan bahawa al-Ṭahāwī bermazhab dengan mazhab Hanafi ini dapat dibuktikan dengan sanad pembelajaran al-Ṭahāwī yang belajar daripada seorang ketua *qāḍi* di Mesir iaitu Abū Ja`far Aḥmad bin Abī `Imran yang merupakan ulama besar dalam mazhab Hanafi. Daripada Ibn Abī `Imran tersebut juga bersambung sanad kepada Muhammad Hasan al-Shaybani yang merupakan anak murid kanan kepada Abū Ḥanīfah. Dalam hal ini juga, M.M Sharif yang menghuraikan bahawa al-Ṭahāwī selaku seorang ulama salaf telah cenderung kepada pendekatan *salaf al-ṣālih* itu menyatakan:

*“Al-Ṭahāwī, as a true traditionalist, did not favour, as will be seen, any rational discussion or speculative thinking on the articles of faith, but preferred to believe and accept them without questioning.”*

<sup>38</sup> Al-Habasyi, Abdullah Ibn Abd al-Qādir, *al-Ḥabasyiah Sharh Matan al-Ṭahāwīyyah*. (Selangor: Pustaka Islamiyah Holding, 2020), 54.

<sup>39</sup> Mustafa Ceric, *Roots of Synthetic Theology In Islam: A Study of The Theology of Abū Manṣūr al-Māturīdī*. (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995), 52.

Maksudnya: Al-Ṭahāwī sebagai ulama salaf sebenar, sepertimana yang akan dilihat, tidak cenderung kepada apa-apa perbincangan akal dan pemikiran spekulatif mengenai perkara akidah, bahkan beliau lebih cenderung mempercayai dan menerimanya tanpa mempersoalkan.<sup>40</sup>

Oleh yang demikian, dapat difahami dan dikenalpasti faktor pemikiran akidah al-Ṭahāwī tidak berkembang sepertimana yang berlaku kepada dua aliran akidah yang sezaman dengannya iaitu al-Ashā'irah dan al-Maturidiah. Antara faktor utama tersebut ialah al-Ṭahāwī tidak cenderung untuk menggunakan akal dan mengembangkan perbincangan dengan lebih lanjut daripada apa yang telah dinyatakan di dalam nas-nas wahyu. Sebaliknya al-Ṭahāwī lebih condong kepada kaedah menerima dan beriman sahaja tanpa banyak persoalan. Justeru itu al-Ṭahāwī tidak mengembangkan sendiri pemikiran akidahnya, namun ini tidak bermakna peranan dan sumbangan beliau dalam perkembangan perbincangan ilmu akidah tidak penting seperti yang akan dibincangkan berikutnya.

### Kesimpulan

Kesimpulan daripada kajian ini, tidak syak lagi bahawa ketokohan al-Ṭahāwī sebagai ulama rujukan dalam ilmu Akidah di atas manhaj *salaf al-ṣāliḥ* adalah disepakati oleh majoriti besar ulama. Hal ini dapat diperhatikan dengan penyaksian, pengakuan dan pujian mereka terhadap ketinggian martabat dan kedalaman ilmu al-Ṭahāwī. Di samping itu juga, kandungan kitab *al-Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* juga disepakati menerangkan akidah yang benar di atas manhaj *salaf al-ṣāliḥ*. Selain daripada itu, dapat dibuktikan bahawa al-Ṭahāwī mempunyai peranan dan sumbangan yang signifikan di dalam perkembangan perbincangan akidah Islam sebagai asas kepada aliran akidah Ahli Sunnah Waljamā'ah yang berkembang pesat. Dalam hal ini, al-Ṭahāwī juga mengembangkan lagi perbincangan daripada kitab akidah terawal yang dikarang oleh Abū Ḥanīfah iaitu *al-Fiqh al-Akbar*.

Di samping itu juga, kitab *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* menjadi inspirasi dan asas kepada pengharmonian pandangan antara kedua-dua aliran arus perdana iaitu al-Ashā'irah dan al-Māturidiah. Oleh itu, dapat disepakati bahawa al-Ṭahāwī seorang tokoh ulama yang tidak boleh dikesampingkan dalam perkembangan perbincangan akidah Islam. Manakala kitab beliau *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* antara rujukan bagi kefahaman tentang akidah salaf yang disepakati oleh majoriti ulama.

### Rujukan

- Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismā'il. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Muṣṭafā Dīb al-Bughā (pnyt.). Damsyik. Dār Ibn Kathīr, 1993.
- Al-Habasyi, Abdullah Ibn Abd al-Qādir. *Al-Habasyiah Sharh Matan al-Tahawīyyah*. Selangor: Pustaka Islamiyah Holding, 2020.
- Ali Sami al-Nasyar. *Nasyat al-Fikr al-Falsafi fi al-Islām*. Kaherah: Dār al-Salām, 2008.
- Al-Shirazi, Nūr al-Dīn Muhammad bin Abī Ṭayyib. *Syarh Qaṣīdah al-Subki al-Nūniyyah*. Damsyiq: Dār al-Taḳwa, 2023.
- Al-Ṭahāwī. *Al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*. Terj. Md. Sahari Bin Abdullah. Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017.

---

<sup>40</sup> M.M Sharif, *A History of Muslim Philosophy*, (Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1963),246.

- Al-Kawthari, Muhammad Zahid. *Maqālāt al-Kawtharī*. Kaherah: Maktabah Tawfiqiyyah, t.th.
- Hājī Khalīfah. *Kasyf al-Dzunūn 'An Asāmi al-Kitāb wa al-Funūn*. London: Muassasah al-Furqān, 2021.
- Hazim Hasan Abd al-Basīr. *Al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah Bayna al-Salafiah al-Mu'āṣarah wa al-Mutakallimīn*. Amman: Dār Nūr al-Mubīn, 2022.
- Hasan, Moh Abdul Kholiq. "The Tafsīr Bi Al-Ma'sūr and Bi Al-Ra'yī in The Commentary of Abū Ja'far Al-Ṭahāwī:(Study in Aḥkām Al-Qur'ān Al-Karīm)." *Jurnal Studi Al-Qur'an* 17, no. 2 (2021): 179-206.
- Hasan, Moh Abdul Kholiq. "Al-Ṭahāwī's Method Towards the Variety of Qiraāt in Tafsir Aḥkām al-Qur'ān and Its Implication to Istinbāt Al-Aḥkām." *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis* 22, no. 1 (2021): 93-112.
- Kamarul Azmi Jasmi. *Firqah Akidah Islamiah Dalam Dunia Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 2024.
- M.M Sharif. *A History of Muslim Philosophy*. Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1963.
- Mohd Anuar Mamat, Mohd Manawi Mohd Akib & Basri Husin. Prinsip-Prinsip Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah: Pengenalan Dan Terjemahan Melayu *Waṣiyyah* Imam Abū Ḥanīfah. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*. Edisi Khas (2014), 1-36.
- Mohd Sobri Ellias, Mohd Fauzi Hamat, and Mohd Hasrul Shuhari. "Wacana Tauhid dalam Surah Al-Ikhlās Analisis Menurut Perspektif Sunni." *Jurnal Usuluddin* 39 (2014): 1-32
- Mohd Nizam Sahad. *Pemikiran Mengenai Ilahiyat: Sejarah Perkembangan dan Aliran Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019.
- Muhamad Aidil Zali, Mohd Nor Adli Osman, Mohamad Adnin Yahya et al., Al-Mu'tazilah dan Hubung Kaitnya dengan Mihnah Khalaq al-Qur'an. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(3)(2018): 53-57.
- Muhammad Ṭayyib al-Qāsīmī. *Syarh al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. Muhammad Khurasyid al-Siddīqi (ed.). Karachi: Al-Busyra, 2021.
- Muhammad Zāḥid al-Kawthari. *al-Ḥāwī fi Sīrat al-Imām Abī Ja'far al-Ṭahāwī*. Kaherah: Matba'ah al-Anwār al-Muhammadiyah, t.th.
- Muslim, Abū al-Husain. *Ṣaḥīḥ Muslim*. ed. Muhammad Fuad Abd al-Bāqī . Kaherah: Matba'ah Isa al-Bābiy al-Ḥalabiy, 1955.
- Mustafa Ceric. *Roots of Synthetic Theology In Islam: A Study of The Theology of Abū Manṣūr al-Māturīdī*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995.
- Naqiuddin Wan Khalid, Wan Ahmad, Wan Haslan Khairuddin, Abdull Rahman Mahmood, and Mutsalim Khareng. "Penilaian Semula Kaedah Abū Ja'far al-Ṭahāwī dalam Mentafsir Nas-Nas Mutashābihāt Sebagai Respons terhadap Kekeliruan Akidah Semasa." *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 47, no. 2 (2025).
- Noer Iskandar. *Pemikiran Kalam Imam Abu Mansur al-Maturidi*. Jakarta: Srigunting, 2001.
- Tāj al-Dīn al-Subki. *Mu'īd al-Ni'am wa Mubīd al-Niqam*. Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabi, 1948.

Umar Muhammad Noor. *Hadith Sifat: Polemik Takwil Dalam Sejarah Teologi Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2021.

Umar Muhammad Noor. *Imam al-Ash'ari dan Ahli Hadith*. Selangor: Arbain Publication.

Wahbah al-Zuhaili. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dār al-Fikr, 2025.

Wan Ahmad Naqiuddin & Wan Haslan Khairuddin. Konsep Tanzīh Dalam Kitab Al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyah. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. 3(1)(2024), 40-58.